

**PERSEPSI ATLET TERHADAP GAYA TINGKAH LAKU  
KEPIMPINAN JURULATIH BOLA SEPAK SEKOLAH YANG  
DIGEMARI DENGAN GAYA TINGKAH LAKU KEPIMPINAN  
SEBENAR JURULATIH BOLA SEPAK DI DAERAH ALOR GAJAH,  
MELAKA**

Jaya Kumaran Govindan<sup>1</sup>, Soh Kim Geok<sup>2\*</sup>, Aminuddin Yusof<sup>2</sup>, dan  
Mohd. Sofian Omar Fauzee<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pulau Sebang,Melaka, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,  
Universiti Putra Malaysia, Malaysia

<sup>3</sup> Jabatan Bahasa dan Pendidikan Kemanusiaan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

\*Email: kims@upm.edu.my / kimgeoks@yahoo.com

(Received 23 September 2018; accepted 21 December 2018; published online 17 January 2019)

**To cite this article:** Govindan, J. K., Soh, K. G., Yusof, A., & Fauzee, M. S. O. (2019). *Persepsi atlet terhadap gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih bola sepak sekolah yang digemari dengan gaya tingkah laku kepimpinan sebenar jurulatih bola sepak di daerah Alor Gajah, Melaka.*

*Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise, 8(1), 123-133.*

<https://doi.org/10.15282/mohe.v8i1.276>

**Link to this article:** <https://doi.org/10.15282/mohe.v8i1.276>

## **Abstract**

The main purpose of this study was to identify the most preferred and the actual leadership behaviour of the school football team coaches' by the athletes. One hundred and ninety school team under 18 players who were playing for the Inter- Zone Alor Gajah District , took part in this study. Leadership Scale for Sports (LSS) questionnaire developed by Chelladurai & Saleh (1980) was used. There are 40 questionnaires which have been translated from English Language to Bahasa Malaysia was used. The Data was analysed using descriptive statistics to identify the percentage, mean, standard deviation, t-test and ANOVA. The results of this study suggests that the most preferred leadership behaviours by the athletes is training and instruction (min=3.29) and followed by the democratic (min=3.20). Whereas the autocratic behaviour (min 2.97) were found to be least preferred. The actual leadership behaviours of the coaches show that the dominant behaviours are training and instruction (min 4.49) followed by democratic behaviour (min=4.40), social support(min=4.35) and autocratic behaviour. The least dominant behaviour is autocratic behaviour (min=4.20). There were no significant differences between preferred and actual leadership behaviour in all the dimension except the autocratic behaviour  $t(187)=3.18$ ,  $p=0.002$ .

**Keywords:** Most preferred behavior, actual leadership behavior, leased preferred, comparing leadership behavior

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi atlet terhadap gaya tingkah laku jurulatih bola sepak sekolah yang digemari dengan gaya tingkah laku sebenar jurulatih bola sepak di Daerah Alor Gajah. Kajian ini melibatkan semua pemain, iaitu seramai 190 pemain bola sepak pasukan sekolah yang berumur di bawah umur 18 tahun yang telah menyertai Pertandingan Bola Sepak antara Zon Peringkat Daerah Alor Gajah. Instrumen *Leadership Scale for Sports (LSS)* yang dibangunkan oleh Chelladurai & Saleh (1980) telah digunakan untuk mengumpul data. Soal selidik ini terdiri daripada 40 item yang telah diedarkan kepada pemain bola sepak. Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya tingkah laku kepimpinan yang paling digemari oleh atlet ialah gaya tingkah laku latihan dan arahan ( $\text{min}=3.29$ ) dan gaya tingkah laku demokratik ( $\text{min}=3.20$ ), manakala, dimensi tingkah laku autokratik adalah gaya tingkah laku yang paling tidak digemari ( $\text{min}=2.97$ ). Gaya tingkah laku kepimpinan sebenar jurulatih ialah tingkah laku latihan dan arahan ( $\text{min}=4.49$ ), diikuti dengan tingkah laku demokratik (4.40), maklum balas positif ( $\text{min}=4.40$ ), sokongan sosial ( $\text{min}=4.35$ ), dan tingkah laku autokratik ( $\text{min}=4.20$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua dimensi tingkah laku jurulatih yang digemari dan sebenar kecuali tingkah laku autokratik. Nilai-t yang diperolehi adalah  $t(187) =3.18$ ,  $p=0.002$ .

**Kata kunci:** Persepsi, gaya tingkah laku, jurulatih, bola sepak, remaja

## **Pendahuluan**


Jurulatih sukan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesuatu sukan. Mereka berperanan melatih atlet dan pasukan yang akan menyertai sesuatu pertandingan. Menurut Wildman (2006), kepimpinan yang berkesan adalah satu elemen yang penting dan perlu ditunjukkan demi meningkatkan prestasi sesebuah pasukan. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa peningkatan prestasi sesebuah pasukan serta kemenangan pasukan tersebut dalam sesebuah kejohanan atau pertandingan bukan hanya terletak kepada kualiti dan kehebatan atlet semata-mata, tetapi kerjasama sekumpulan individu yang bekerja secara berpasukan. Mereka juga perlu memastikan atlet dan pasukannya dapat menunjukkan prestasi yang terbaik dan seterusnya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam sesuatu pertandingan (Martens, 1987; Bompa, 1993). Pengetahuan mengenai gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan seperti perancangan, teknik latihan dan pengaturan strategi permainan adalah perlu bagi memastikan penglibatan atlet yang berterusan dalam sesuatu aktiviti sukan (Dzulhimi & Mohd Sofian, 2002).

Tanggungjawab seseorang jurulatih adalah untuk membantu atlet mencapai prestasi yang terbaik dalam pertandingan. Oleh yang demikian, tugas seorang jurulatih adalah meliputi tugas melatih kemahiran asas, perancangan serta perlaksanaan program latihan jangka panjang dan jangka pendek, persiapan sebelum pertandingan, memberi nasihat teknikal dan taktikal sepanjang pertandingan bagi meningkatkan prestasi mereka. Jurulatih yang baik bukan hanya setakat melatih, tetapi sebaliknya juga menjadi tempat mengadu sama ada suka atau duka. Jurulatih yang mendapat kepercayaan atlet dan memiliki gaya tingkah laku kejurulatihan yang berkualiti akan setiasa disanjung oleh atlet (Martens, 1987; Bompa, 1993).

Gaya kepimpinan jurulatih mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian prestasi atlet atau pencapaian sesebuah pasukan. Gaya tingkah laku kepimpinan sering dikaitkan dengan cara penggunaan kuasa yang dimiliki oleh seseorang pemimpin (Cox, 2011). Pada amnya, semua pemimpin akan menggunakan kuasa yang dimiliki sebagai alat untuk mempengaruhi pengikutnya. Keberkesanan kepimpinan adalah bergantung kepada gaya dan tingkah laku pemimpin dan ia yang memberi kesan kepada prestasi, kepuasan pengikut terhadap pemimpin dan komitmen pengikut terhadap pencapaian matlamat (Yukl, 2012).

Menurut Multidimensional Model of Leadership (MML) prestasi pencapaian kumpulan dan kepuasan ahli dianggap sebagai hasil kongruen atau keserasian di antara tiga sifat kepimpinan iaitu tingkah laku kepimpinan yang diperlukan, tingkah laku kegemaran dan tingkah laku kepimpinan yang sebenar. Melalui pendekatan ini, sesuatu pasukan akan memberikan mutu permainan atau persembahan yang terbaik dan tahap keseronokan yang tinggi jika tingkah laku pemimpin sesuai dengan kegemaran atlet atau ahli dan sesuai dengan keadaan atau sifat situasi. Ciri-ciri dalam sesuatu situasi, ciri-ciri atau tingkah laku seorang pemimpin dan ahli dianggap anteseden ataupun faktor-faktor yang mempengaruhi gaya kepimpinan jurulatih untuk ketiga-tiga komponen tingkah laku pemimpin tadi. Mengikut model ini kepuasan ahli serta prestasi pencapaian ahli adalah digambarkan sebagai hasil interaksi tiga komponen utama iaitu tingkah laku pemimpin yang perlu ada (*required leader behavior*), tingkah laku kegemaran oleh ahli (*leader behavior preference*) dan tingkah laku sebenar pemimpin (*actual leader behavior*).

Chelladurai dan Salleh (1980) telah menyatakan bahawa model ini digunakan bertujuan melihat pengaruh pemimpin terhadap sukan secara lebih spesifik dan mengkaji pengaruh gaya tingkah laku pemimpin terhadap pembolehubah-pembolehubah seperti prestasi ahli, kepuasan individu dan kesepadan pasukan (Cox, 2011). Menurut MML kepuasan dan prestasi ahli adalah hasil interaksi tiga komponen kepimpinan iaitu tingkah laku kepemimpin yang diperlukan, tingkah laku kepimpinan yang sebenar dan tingkah laku kepimpinan yang digemari (Rajah 1).



**Rajah 1:** The Multidimensional Model of Leadership (MML)

(Sumber: Chelladurai, P. (1991) Leadership in Sports Organization, *Canadian Journal Applied Psychology*, 5, 226-231)

Berdasarkan Rajah 1, MML menjelaskan bagaimana tiga gaya kepimpinan iaitu tingkah laku yang perlu ada, tingkah laku kegemaran dan tingkah laku sebenar pemimpin dapat berinteraksi secara kongruen untuk memperolehi kepuasan dan prestasi atlet.

Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji berkenaan gaya kepimpinan jurulatih menggunakan soal selidik Leadership Scale for Sport (LSS) (Chelladurai & Saleh, 1980) untuk melihat gaya kepimpinan jurulatih yang digemari oleh atlet. Kajian yang dijalankan melihat gaya kepimpinan jurulatih dalam pelbagai bidang sukan. Kepimpinan latihan dan arahan serta maklum balas merupakan gaya tingkah laku kepimpinan yang paling digemari oleh atlet (Aznan, 2003; Giddings, 2009; Rosilawati, 2007; Sarinah, 2014; Shabeshan, Wee, & Ravin, 2015; dan Smith, 2001).

Atlet menggemari gaya kepimpinan ini kerana ia adalah salah satu fungsi terpenting bagi seorang jurulatih iaitu untuk meningkatkan kemampuan atlet. Gaya kepimpinan ini adalah tingkah laku kepimpinan jurulatih yang berorientasikan tugas. Jurulatih melatih dan memberi arahan kepada atlet untuk meningkatkan potensi dan kebolehan mereka ke tahap yang maksimum dan menguasai kemahiran-kemahiran tertentu serta melatih mereka berkenaan teknikal dan taktikal yang ada dalam sukan yang diceburi (Chelladurai & Saleh, 1980).

## **Metodologi**

### *Reka bentuk kajian*

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif dan data diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik. Reka bentuk ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan tujuan kajian ini iaitu untuk menentukan apakah gaya kepimpinan jurulatih bola sepak yang digemari oleh atlet-atlet dari kesemua sembilan buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Alor Gajah, Melaka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pemain bola sepak terhadap gaya tingkah laku yang digemari dengan gaya tingkah laku sebenar jurulatih mereka.

### *Populasi kajian*

Kajian ini melibatkan semua pemain, iaitu seramai 190 pemain bola sepak pasukan sekolah yang berumur di bawah 18 tahun yang telah menyertai Pertandingan Bola Sepak antara Zon Peringkat Daerah Alor Gajah 2014. Subjek kajian yang dipilih terdiri daripada pemain-pemain bola sepak yang pernah mewakili pasukan sekolah ke peringkat daerah bawah umur 18 tahun dari kesemua sembilan buah sekolah yang telah menyertai Pertandingan Bola Sepak Antara Zon Peringkat MSSD Alor Gajah pada tahun 2014. Kajian ini melibatkan 190 orang atlet. Setiap sekolah mengandungi 21 orang pemain bola sepak.. Hanya di SMJK Pulau Sebang, seorang atlet simpanan yang juga bermain untuk pasukan sekolah telah di sertakan dalam jumlah untuk di genapkan menjadi 190 orang atlet keseluruhannya. Semua pemain yang mewakili pasukan sekolah dari 9 buah sekolah di Daerah Alor Gajah, Melaka telah dipilih sebagai subjek kajian.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik *Leadership Scale for Sports* (LSS, Chelladurai & Salleh, 1980). Soal selidik ini mengandungi 40 item dan dibahagikan kepada lima dimensi gaya kepimpinan jurulatih iaitu dimensi latihan dan arahan (13 soalan); dimensi demokratik (9 soalan); dimensi autokratik (5 soalan); dimensi sokongan sosial (8 soalan) dan dimensi maklum balas positif (5 soalan) yang telah dibentuk oleh Chelladurai dan Salleh (1980). Skor untuk setiap item dikira berdasarkan Skala Likert (nilai 1 hingga 5). Instrumen kajian ini dialih bahasa dari

Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Pengesahan terjemahan ini telah ditandatagani oleh Dr. Annisah Nor Jettey.

Pemain bola sepak sekolah diminta memberi respon kepada setiap item dengan membulatkan satu angka daripada skala mata berikut: 1. Tidak pernah, 2. Jarang, 3. Kadang-kadang, 4. Kerapkali dan %. Selalu.

Persepsi atlet bola sepak terhadap gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar jurulatih dinilai dengan menggunakan soal selidik LSS. **Soal selidik ini terdiri daripada lima dimensi gaya kepimpinan jurulatih dan telah dialih bahasa ke dalam Bahasa Melayu.**

Soal selidik ini mengandungi 40 item yang telah dibentuk oleh Chelladurai & Salleh (1980).

Soal selidik ada dua versi :

1. Tingkah laku Jurulatih Yang Digemari  
Saya lebih suka jika jurulatih saya akan ..... : 40 soal selidik (LSS)
2. Tingkah laku Jurulatih Sebenar  
Jurulatih saya ..... : 40 soal selidik (LSS)

(Kedua-dua soal selidik ini akan diisi oleh pemain bola sepak sahaja.)

## **Analisis Data**

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 20.0. Data dianalisis untuk menentukan tingkah laku secara kuantitatif dan diuraikan secara diskriptif dalam bentuk peratusan, min dan sisihan piawai untuk menerangkan pembolehubah gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih yang digemari dan tingkah laku sebenar jurulatih. Ujian-T digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dari segi gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih yang digemari dengan gaya tingkah laku kepimpinan sebenar jurulatih menurut persepsi atlet.

## **Keputusan Kajian**

Berdasarkan Jadual 1, Gaya Kepimpinan Jurulatih yang paling digemari menurut persepsi atlet pada peringkat sekolah menengah di daerah Alor Gajah, Melaka. Dapat dirumuskan bahawa dimensi tingkah laku yang paling digemari oleh atlet ialah tingkah laku latihan dan arahan dengan skor min 3.29 dan sisihan piawai 1.03. Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa atlet lebih mengemari gaya tersebut kerana mereka yang mempunyai budaya dan latar belakang yang berbeza tidak suka dipaksa ke tahap yang lebih tinggi secara mendadak, tetapi beransur-ansur mengikut keupayaan masing-masing. Latar belakang dan budaya para atlet sebagai pelajar sekolah menyebabkan mereka

menginginkan tunjuk ajar jurulatih. Para atlet ingin mempelajari aspek perancangan, teknik latihan, dan pengaturan strategi permainan. Selain itu, mereka juga ingin mempelajari teknik dan taktik daripada jurulatih mereka. Tingkah laku demokratik pula mempunyai skor min 3.20 dan sisihan piawai 1.06. Atlet menginginkan tingkah laku jurulatih yang memberi peluang yang lebih kepada atlet dalam mengambil bahagian untuk membuat keputusan berhubung dengan matlamat pasukan, kaedah latihan, taktik dan strategi permainan. Dimensi tingkah laku autokratik adalah tingkah laku jurulatih yang paling tidak digemari oleh atlet dengan skor min 2.97 dan sisihan piawai 1.1. Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa atlet tidak mengemari gaya tersebut kerana mereka inginkan layanan yang baik dari jurulatih. Di samping itu, atlet tidak gemar akan jurulatih yang tidak bertolak ansur dan suka menyisihkan diri dari atlet (Jadual 1).

**Jadual 1:** Gaya kepimpinan jurulatih yang paling digemari menurut persepsi atlet

Bil.	Dimensi	Min	S.P.
1.	Tingkah laku latihan dan arahan	3.29	1.03
2.	Tingkah laku Demokratik	3.20	1.06
3.	Tingkah laku sokongan sosial	3.18	1.02
4.	Tingkah laku maklum balas positif	3.04	1.06
5.	Tingkah laku autokratik	2.97	1.1

Bagi tingkah laku sebenar jurulatih bola sepak pula menunjukkan bahawa dimensi yang dominan bagi tingkah laku sebenar jurulatih ialah tingkah laku latihan dan arahan dengan skor min 4.49 dan sisihan piawai 1.02. Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa dimensi tingkah laku sebenar jurulatih adalah latihan dan arahan. Oleh yang demikian, jurulatih telah memberi tumpuan yang lebih pada dimensi latihan dan arahan semasa melaksanakan program latihan. Dengan ini atlet akan memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa latihan serta nerasa seronoh semasa program latihan dilaksanakan oleh jurulatih. Ini diikuti dengan tingkah laku demokratik, dapatkan kajian menunjukkan bahawa mereka gemar jika jurulatih meminta pendapat atlet di atas soal-soal penting berkaitan dengan latihan serta menggalakkan atlet membuat cadagan berkaitan dengan kaedah untuk menjalankan latihan dan ini diikuti maklum balas positif dengan skor min 4.40, sokongan sosial min 4.35. Dimensi autokratik pula mendapat skor min 4.20 adalah tingkah laku sebenar jurulatih yang paling tidak digemari dimana atlet tidak gemar jika jurulatih enggan bertolak ansur serta selalu menyisihkan diri dari atlet.

**Jadual 2:** Dimensi tingkah laku sebenar jurulatih menuru persepsi atlet

Bil.	Dimensi	Min	S.P.
1.	Tingkah laku latihan dan arahan	4.49	1.02
2.	Tingkah laku demokratik	4.40	1.04
4.	Tingkah laku maklum balas positif	4.40	1.03
3.	Tingkah laku sokongan sosial	4.35	1.06
5.	Tingkah laku autokratik	4.20	1.00

Bila membandingan antara tingkah laku jurulatih yang digemari dan tingkah laku sebenar jurulatih, keputusan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan, kecuali bagi tingkah laku autokratik.

**Jadual 3:** Perbandingan antara tingkah laku jurulatih yang digemari dan sebenar menurut persepsi atlet

Dimensi	Perbandingan	Min	SD	t	p
Tingkah laku Latihan dan Arahan	Digemari	3.29	0.51	0.782	0.435
	Sebenar	4.49	0.56		
Tingkah laku Demokratik	Digemari	3.20	0.56	0.166	0.868
	Sebenar	4.40	0.56		
Tingkah laku Autokratik	Digemari	2.97	0.63	3.183	0.002*
	Sebenar	4.20	0.62		
Tingkah laku Sokongan Sosial	Digemari	3.18	0.53	-0.168	0.867
	Sebenar	4.40	0.56		
Tingkah laku Maklum Balas Positif	Digemari	3.04	0.59	1.003	0.317
	Sebenar	4.35	0.60		

signifikan pada aras  $\alpha = 0.05$

Nilai-t bagi dimensi tingkah laku autokratik adalah  $t(187)=3.18$  dan nilai  $P = 0.002$ .

## Perbincangan

Dapatkan kajian menunjukkan gaya kepimpinan yang dominan dan paling digemari oleh atlet ialah latihan dan arahan, diikuti dengan dimensi tingkah laku demokratik diikuti oleh kepimpinan sokongan sosial. Dimensi tingkah laku autokratik adalah tingkah laku jurulatih yang paling tidak digemari oleh atlet. Atlet-atlet sekolah menengah daerah Alor Gajah, Melaka lebih gemar akan dimensi latihan dan arahan mungkin disebabkan para atlet sebagai pelajar sekolah lebih gemar mengikuti cara latihan dan arahan serta tunjuk ajar jurulatih mereka. Faktor sosio budaya masyarakat setempat turut mendorong atlet untuk memilih dan selesa dengan dimensi tersebut. Kajian ini mendapati bahawa atlet pada peringkat umur bawah 18 tahun berkeinginan menguasai kemahiran serta mengembangkan pengetahuan teknik bermain bola sepak menyebabkan mereka mengikuti cara latihan dan arahan jurulatih mereka. Faktor usia, tahap kematangan dan pengalaman responden mungkin menyumbang kepada pemilihan ini.

Dapatkan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Jasmin Ling (2017) di Sarawak, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi atlet terhadap tingkah laku jurulatih yang digemari oleh atlet serta tingkah laku sebenar jurulatih balapan dan padang. Responden kajian terdiri daripada 252 orang atlet sekolah menengah (lelaki,  $n = 126$ ; perempuan,  $n=126$ ) yang berumur 13 hingga 18 tahun. Berdasarkan persepsi atlet sukan balapan dan padang Sarawak terhadap tingkah laku kejurulatihan, didapati tingkah laku yang paling digemari oleh atlet adalah tingkah laku latihan dan arahan ( $M = 3.89$ ,  $SP = 0.75$ ). Dapatkan persepsi atlet terhadap tingkah laku sebenar jurulatih adalah tingkah laku latihan dan arahan ( $M = 4.13$ ,  $SP = 0.68$ ) Justeru, kesimpulan keputusan yang sama juga dilaporkan dalam kajian ini.

Satu kajian telah dijalankan di Malaysia oleh Nelfianty (2009), yang bertujuan untuk mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih yang digemari atlet di Sekolah Sukan Malaysia. Subjek kajian adalah atlet-atlet di kedua-dua buah Sekolah Sukan pada tahun 2007 ( $N = 854$ ; SSBJ = 409; SSBP = 445). Dapatkan kajian ini turut menyokong bahawa atlet-atlet Sekolah Sukan Malaysia menggemari gaya kepimpinan latihan dan arahan, demokratik, sokongan sosial dan maklum balas positif.

Namun demikian dapatkan kajian ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Wee dan Shabesshen (2014) di daerah Segamat, Johor yang mendapat gaya kepimpinan dalam dimensi maklum balas positif adalah yang paling diminati atlet lelaki, diikuti oleh dimensi latihan dan arahan. Menurut pengkaji atlet-atlet pada peringkat sekolah menengah di Segamat, Johor, lebih meminati gaya kepimpinan jurulatih dalam dimensi maklum balas positif mungkin disebabkan atlet-atlet ini biasa didedahkan dengan janji seperti hadiah tambahan seperti wang sagu hati sekiranya mereka memenangi sesuatu pertandingan (Chelladurai, 2007). Begitu juga kajian yang telah dijalankan oleh Solleh, Mustafa dan Tan (2012) terhadap 30 orang pelajar Sukan Prestasi Tinggi Sekolah yang berumur diantara 15 - 18 tahun. Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) merupakan Program pembangunan sukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa gaya kepimpinan yang paling digemari oleh atlet SPTS adalah tindak balas positif ( $M=4.01$ ,  $SD=0.58$ ).

Suatu kajian yang dijalankan terhadap 183 pemain bola sepak dari tujuh kelab liga Ethiopia oleh Mukulo, M. B.(2013) juga berbeza. Dimensi tingkah laku yang paling digemari adalah autokratik. Atlet-atlet yang melibatkan diri dalam kajian ini terdiri daripada 52 pemain bahagian serangan, 65 pemain tengah dan 65 pemain pertahanan. Mereka menganggap jurulatih mereka pakar dalam teknik latihan dan pemain gemar mengikuti arahan jurulatih mereka.

Perbandingan di antara tingkah laku jurulatih yang digemari dengan tingkah laku sebenar jurulatih menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam dimensi tingkah laku autokratik. Pada pendapat penyelidik, seseorang jurulatih seharusnya menggunakan gaya kepimpinan autokratik dengan memberi arahan yang jelas dan jitu untuk memudahkan atletnya memahami setiap arahan dan mematuhiinya. Apabila terdapat ahli melanggar peraturan dalam pasukan yang telah ditetapkan, maka tindakan tata tertib harus dikenakan dan dilaksanakan dengan kadar yang segera. Seseorang jurulatih perlu lebih objektif dan berpendirian tegas dengan tindakan yang hendak diambil. Jika sesuatu kesalahan itu ringan atau boleh diketepikan dan tidak menjadi satu hambatan untuk pemain meneruskan latihan. Maka ia boleh di maafkan. tetapi sebaliknya jika kesalahan itu besar dan boleh menjasarkan reputasi maka tindakan tegas dan sewajarnya patut dikenakan.

## **Kesimpulan**

Hasil dapatkan kajian yang dijalankan di sembilan buah sekolah menengah mendapat bahawa tahap kepimpinan multidimensi jurulatih secara keseluruhan adalah sederhana. Dapat dirumuskan bahawa dimensi yang paling dominan dan tingkah laku yang paling digemari oleh atlet adalah latihan dan arahan, tingkah laku demokratik, sokongan sosial,

maklum balas positif diikuti dengan tingkah laku autokratik. Pendekatan latihan dan arahan adalah sesuai untuk atlet muda kerana mereka kurang pengalaman dan memerlukan maklum balas serta tunjuk ajar yang sewajarnya daripada jurulatih mereka. Pada pendapat penyelidik, atlet-atlet muda lebih gemar akan gaya maklum balas positif daripada jurulatih supaya atlet dapat mengekalkan tumpuan semasa latihan dan mendapat perhatian daripada pihak jurulatih. Dengan ini, atlet-atlet dapat memberi tumpuan semasa latihan dan mendengar arahan jurulatih. Ini membolehkan mereka lebih terdorong dan komited semasa aktiviti latihan dijalankan.

Dari aspek tingkah laku sebenar jurulatih, dapat dirumuskan bahawa dimensi yang dominan ialah maklum balas positif diikuti oleh tingkah laku demokratik dan sokongan sosial. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa jurulatih dan atlet mempunyai dimensi kegemaran yang sama. Keadaan ini membolehkan jurulatih dan atlet menjalin hubungan yang baik serta dapat memberi tumpuan yang sempurna semasa latihan mereka. Dengan wujudnya keserasian antara kehendak atlet (gaya kepimpinan jurulatih) dengan kehendak jurulatih, maka atlet akan lebih bermotivasi untuk mengikuti latihan .

## Rujukan

- Aminuddin Mohd Yusof (1990). *Siri analisis psikologi: Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azizah Nordin (1991). “Kokurikulum dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh.” *Jurnal Pendidikan Guru*, 7, 33-42.
- Aznan Abas. (2003). Stail kepimpinan jurulatih bola sepak bawah 18 tahun sekolah-sekolah menengah Daerah Besut Terengganu. Unpublished Bachelor Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bompa, T. (1993). *Periodization of Strength: The New Wave in Strength Training*. Toronto: Veritas Publishing, Inc.
- Chelladurai, P. (2007). Leadership in sports. In G. Tenenbaum & R.C. Eklund (Eds). *Handbook of sport psychology* (3rd. ed., pp. 113-135) Hoboken, N. J. : Wiley
- Chelladurai, P. (1991). Leadership in sports organization, *Canadian Journal Applied Psychology*, 5, 226-231.
- Chelladurai, P. & Saleh, S. D. (1980). Dimensions of leader behavior in sports: Development of a leadership scale. *Journal of Sport Psychology*, 2, 34-45.
- Cox, R. H. (2011). *Sport psychology concepts and application* (7<sup>th</sup> Ed.) Boston, Massachusetts: McGraw-Hill Co. Inc.
- Giddings, A. (2009). Coaching leadership behaviors in successful women's collegiate rowing programs. ProQuest Information and Learning company.

- Martens, R. (1987). Coaches guide to sport psychology. Champaign.II: Human Kinetics.
- Mukolo, M. B. (2013). Players perception and preference of leadership styles across playing position of football premier league clubs in Ethiopia. *International Monthly Refereed Journal of Research In Management & Technology-* Volume ll, April 2013.
- Nelfianty, M.R. (2009). Motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih dari perspektif atlet Sekolah Sukan Malaysia. Ph. D. Thesis Dissertations Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosilawati Abdul Rahman, (2007). Stail kepimpinan jurulatih bola tampar peringkat mssd wakaf baharu, kelantan. Unpublished Master Dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Sarinah Kasbi. (2014). Perkaltung antara orientasional matlamat dan stall kepimpinan jurulatih dengan prestasional pencapaian pasukan bola jaring. Published Master Dissertation,Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shabeshan, R., Wee, A. S. S. L., & Ravin, S. (2015). Tahap dan perbezaan amalan kepimpinan jurulatih yang popular dalam kalangan atlet berpasukan sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1),1-9.
- Smith, K. G. (2001). Preferred and perceive leadership styles of intercollegiate athletes. Bell & Howell Information and Learning Company.
- Surujlal, J. & Dhurup, M.(2012). Athlete preference of coaches's leadership style. *African Journal for Physical, Health Education, Recreation and Dance*, Vol 18, No. 1
- Wee, A. S. S. L & Shabeshan, R. (2014). Gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet-atlet sekolah menengah di Malaysia berasaskan jantina. *Journal Kepimpinan Pendidikan* (Vol. 1 No. 1 Apr 2014).
- Wildman, J. C. (2006). The athlete leader role: interaction of gender, sport type, and coaching style. University of North Texas.
- Yukl, G. A. (2012). *Leadership in organizations*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall; 8 edition (January 20, 2012).